B A B : I I I

F a s a l K e d u a

1. TUGAS-TUGAS HAKIM

1.1 Di antara tugas-tugas seseorang Hakim apabila berada di dalam Mahkamah ialah beliau hendaklah senantiasa dalam keadaan tenang, gembira, menumpukan sepenuh perhatiannya kepada dakwaan, keterangan dan hujjah yang dikemukakan. Hakim juga tidak boleh bersikap bias[36] dengan menumpukan perhatiannya kepada salah satu pihak sahaja.

Rasulullah s.a.w. telah memerintahkan kepada para Hakim supaya mempastikan diri mereka terhindar dari pelbagai masalah yang boleh mengganggu penumpuannya terhadap perbicaraan. Baginda Rasulullah s.a.w.[37] bersabda yang bermaksud;

> "Dari ᶜAbdul Rahman bin Abi Bakrah r.a. berkata, Rasulullah bersabda Hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman di antara dua pihak ketika beliau sedang dalam keadaan marah"

Ibn Qudamah [38] dalam mengertikan perasaan marah ialah semua perkara yang boleh mengganggu pemikiran seseorang Hakim, dan mengakibatkan ketidakadilan dalam menjatuhkan hukuman, seperti terlalu lapar, dahaga, gembira, duka cita, sakit kepala, menahan diri dari qada hajat dan sebagainya.

1.3 Seseorang Hakim juga dilarang menerima wang suap, hadiah, rasuah dari mana-mana pihak yang bertikai, kerana semuanya itu dapat membatalkan yang hak dan menghalalkan yang batil.[39] Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud;

> "Dari Abu Hurairah r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. mengutuk orang yang memberi wang suap dan menerimanya dalam perkara hukum"

1.4 Para Fuqaha' menegaskan bahawa seseorang Hakim hendaklah menundukkan pandangannya tidak meninggikan suara, melainkan untuk menenangkan suasana dalam Mahkamah. Di samping itu, beliau mestilah menunjukkan muka yang serius, tidak ketawa, menghadkan percakapannya disekitar soal jawab dakwaan atau tidak bercakap tentang sesuatu yang tidak ada kaitannya dengan dakwaan, dengan tujuan untuk merehatkan badan dan menghilangkan penat.[41]

1.5 Selain daripada itu, Hakim di-kehendaki memakai pakaian yang sesuai dengan adat para Hakim kerana keadaan ini dapat menambahkan kehebatan dan kehormatan Mahkamah itu sendiri. Al-Faqih al-Mawardi[42] dalam membincangkan pakaian seseorang

Hakim dalam Mahkamah, beliau menegaskan" sekiranya seseorang Hakim itu suka bergaul dengan orangramai maka beliau hendaklah memakai pakaian yang dapat membezakan dirinya dari orang lain, kerana ianya boleh menambahkan kehebatannya. Beliau juga hendaklah memakai pakaian yang telah menjadi adat para Hakim seperti kupiah, serban hitam, baju panjang yang berwarna hitam".

1.6 Sebelum seseorang Hakim memulakan perbicaraan, beliau hendaklah memanggil kedua-dua pihak yang bertikai duduk di hadapannya, supaya beliau dapat mendengar dakwaan dari pihak pendakwa dan penafian dakwaan dari yang didakwa.[43] Di riwayatkan dari al-Imam Abu Daud Rasulullah s.a.w.[44] bersabda yang bermaksud;

> "Dari ᶜAbdullah bin Zubair r.a. berkata, Baginda Rasulullah s.a.w. telah menghukumkan atau mewajibkan bahawa kedua-dua pihak yang bertikai hendaklah duduk dihadapannya"

Berdasarkan kepada kalimah 'qada' dapatlah dimengertikan 'hakama wa au jaba' iaitu menghukum dan mewajibkan. Hadis ini menjadi hujjah bahawa seseorang Hakim hendaklah menjalankan per-

bicaraan dalam keadaan dua pihak yang bertikai itu kedua-duanya duduk di hadapannya. Ada juga setengah-tengah pendapat yang mengatakan bahawa pihak-pihak yang bertikai itu hendaklah berdiri ketika Hakim menjalankan perbicaraan ke atas mereka. pendapat ini telah dipakai sebagai prosedur dalam perbicaraan di Mahkamah pada hari ini.

Di antara sebab mengapa Rasulullah s.a.w. memerintahkan demikian ialah supaya kedua-dua pihak itu mendapat keselesaan, ketenangan dari segi perasaan dan dapat menghindarkan dari merasa penat, sekiranya perbicaraan itu memerlukan masa yang panjang.

1.7 Hakim juga diperintah supaya memberikan layanan yang sama rata kepada kedua-dua pihak. Penyamarataan itu samada dari segi layanan dalaman dan luaran. Oleh itu Hakim dikehendakki menyamaratakan dalam percakapannya dengan menggunakan bahasa yang difahami oleh kedua-dua pihak. Malah Hakim diwajibkan menyamaratakan dalam semua perbicaraan, samada di antara bapa dengan anak, khalifah dengan rakyat dan di antara orang Islam dengan orang yang bukan Islam. Kaedahnya ialah

tiap-tiap sesuatu yang mampu diberikan persamaan di antara kedua-dua pihak yang bertikai tidak harus ditinggalkan.[45] Rasulullah s.a.w.[46] bersabda yang bermaksud;

> "Dari ^{c}Ali r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda, Apabila dua orang laki-laki minta hukum kepada engkau putuskan hukum bagi yang pertama sebelum engkau mendengar perkataan atau keterangan yang kedua, dengan begitu engkau akan mengetahui cara menghukum mereka. Berkata Ali sentiasalah aku menjadi Hakim (menghukum seperti itu) sesudah ini"

Sehubungan dengan ini juga ^{c}Umar al-Khattab[47] telah mewasiatkan kepada Abu Musa as-Asha^{c}ari ketika beliau dilantik menjadi Hakim di Basrah. Beliau telah menulis surat kepada Abu Musa, katanya "Saksamakanlah di antara manusia pada muka kamu, majlis kamu dan ke^{c}adilan kamu agar orang kenamaan tidak tamak pada kezaliman kamu dan orang yang lemah tidak akan berputus asa untuk mendapat ke^{c}adilan kamu".

1.8 Penyamarataan dan kesaksamaan kepada pihak-pihak yang bertikai dalam Mahkamah adalah penting untuk menjamin hukuman yang adil dan mencetuskan ketenangan agar mereka mempunyai keyakinan dalam mengemukakan dakwaan, keterangan, penafian dakwaan dalam perbicaraan.

Seseorang Hakim yang mengenepikan konsep penyamarataan di antara pihak-pihak yang bertikai sebenarnya tidak akan mendatangkan sebarang faedah kepada dirinya. Tugasnya ialah mencari kebenaran dalam menjatuhkan hukuman. Oleh itu Hakim perlu berpegang teguh kepada konsep penyamarataan samada pada pandangan, gaya percakapan, memberikan penumpuan dan pemerhatian yang sama kepada kedua-dua pihak dan tidak menampakkan kecenderungan kepada mana-mana pihak. Justeru itu mereka tidak akan merasa bimbang berlakunya penyelewengan dan ketidak-adilan dalam hukuman.

2. PERBICARAAN YANG DIHADIRI OLEH KEDUA-DUA PIHAK YANG BERTIKAI

2.1 Perbicaraan akan dimulakan apabila Hakim memanggil kedua-dua pihak yang bertikai masuk ke-Mahkamah mengikut susunan nama yang telah dicatat-oleh Pendaftar Mahkamah. Pihak-pihak yang ber-tikai di arahkan supaya duduk di hadapan Hakim.

Sebelum Hakim mengemukakan sebarang per-soalan kepada kedua-dua pihak, beliau terlebih dahulu memberikan nasihat kepada mereka supaya ti-dak mengemukakan dakwaan, keterangan atau hujjah-hujjah yang batil, kerana semuanya itu akan men-yebabkan kemurkaan daripada Allah s.w.t. Hakim juga memerintahkan kepada kedua-dua pihak supaya berterang serta beradab dan beliau hendaklah men-tenteramkan perasaan mereka yang sedang dalam ke-gelisahan.

2.2 Selepas itu, Hakim akan menyoal pihak pen-dakwa tentang dakwaannya, Hakim juga akan meng-arahkan kerani Mahkamah supaya mencatitkan segala butiran dakwaan pihak pendakwa tanpa ditambah atau dikurangkan. Dalam semua keadaan apabila ter-

nyata kepada Hakim bahawa dakwaan pihak pendakwa itu tidak lengkap, maka Hakim berhak meminta supaya ianya memperbetulkan dakwaannya. Kenyataan dari Hakim tersebut bukanlah suatu hukuman tetapi merupakan teguran sahaja.

2.3 Setelah pendakwa selesai mengemukakan dakwaannya, Hakim akan menerangkan tuduhan tersebut kepada pihak yang didakwa seperti katanya; "Kamu telah didakwa oleh pendakwa begini..... begini.....", apakah jawapan kamu terhadap tuduhan tersebut?.[48] Sekiranya pihak yang didakwa mengatakan "Saya ingin mendapatkan satu salinan dakwaan pihak pendakwa untuk saya teliti dan memahaminya bagi menjawab segala tuduhan tersebut" Maka Hakim hendaklah menerima permintaan pihak yang didakwa serta memberikan kepadanya tempoh masa yang munasabah bagi menjawab tuduhan itu. Selain daripada itu pihak yang didakwa boleh menjawab tuduhan atau dakwaan pendakwa sebaik sahaja itu selesai dikemukakan kepadanya.

2.4 Secara umumnya, jawapan pihak yang didakwa itu tidak terkeluar dari tiga perkara iaitu:-

i. Pengakuan (iqrar) atau,

ii. Ingkar atau,

iii. Diam sahaja.

2.4.1 Pengakuan (iqrar)

Apabila pihak yang didakwa telah membuat pengakuan (iqrar), maka Hakim akan mencatatkan pengakuannya menurut lafaz pengakuannya tanpa ditambah atau dikurangkan, dan Hakim akan memerintahkan supaya melaksanakan apa yang diakuinya.[49]

2.4.2 Hukum ruju^{c}(tarik balik) daripada iqrar

Kesan tiap-tiap pengakuan yang dibuat ianya tidak boleh ditarik balik, jika pengakuan itu mengenai hak-hak orang lain. Sebaliknya di dalam perkara-perkara mengenai hak Allah s.w.t. seperti kes zina, mabuk maka pengakuan itu boleh ditarik balik. Menurut sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud "batalkan hukum apabila di dapati syak"[50]

Tetapi ada beberapa Fuqaha' seperti Mazhab Zahiri yang tidak bersetuju dengan kaedah ini atas alasan bahawa Hadis itu tidak sahih oleh kerana ia diriwayatkan sebagai pendapat Ibn Mas^{c}ud dan Umar sahaja.[51] Mengikut pendapat Mazhab Zahiri bahawa sesiapa yang memberi pengakuan mengenai hak-hak Allah s.w.t. pada harta atau darah atau sebat asalkan pengakuan itu dibuat oleh seseorang yang berakal, baligh, tidak dipaksa adalah diterima dan pengakuan itu tidak boleh ditarik balik.[52]

Sebaliknya mengikut Jumhur ^{c}ulama'[53] penarikkan balik pengakuan salah adalah diterima dalam Islam dan gugurlah hukuman yang dikenakan kepada seseorang itu. Al-Imam Syafi'e dan Abu Hanifah berkata, apabila seseorang itu menarik balik pengakuannya, maka gugurlah hukuman had darinya.

Di samping itu mereka juga berpendapat seseorang itu boleh menarik balik pengakuannya, samada sebelum atau semasa hukuman had dilaksanakan ke atasnya, kerana apabila seseorang itu menarik balik pengakuan salahnya, maka boleh jadi ia benar-benar tidak bersalah, keadaan ini akan menimbul-

kan syubhat, oleh itu hudud tidak boleh dilaksanakan jika ada syubhat.[54]

2.4.3 Ingkar Dakwaan

Apabila pihak yang didakwa menafikan atau mengingkari dakwaan pihak pendakwa, Hakim akan mencatatkan penafiannya itu. Selepas itu Hakim akan mengajukan persoalan kepada pihak pendakwa seperti katanya "adakah kamu mempunyai saksi atau keterangan di atas dakwaan kamu"?. Jika pihak pendakwa mempunyai saksi yang hadir di Mahkamah itu, Hakim akan meminta supaya saksi-saksi tersebut memberikan keterangan.

Jika pihak pendakwa meminta tangguh dengan tujuan untuk membawa saksi-saksinya ke Mahkamah, Hakim hendaklah menerima permintaan itu, dan memberikan tempoh masa yang munasabah kepadanya. Sebaliknya jika pihak pendakwa gagal membawa saksi-saksinya dan menyatakan kepada Hakim bahawa ia tidak mempunyai apa-apa keterangan, maka Hakim hendaklah menawarkan kepada pihak pendakwa supaya meminta pihak yang didakwa bersumpah.

Apabila pihak pendakwa berbuat demikian, maka Hakim dengan kuasanya berhak meminta supaya pihak yang didakwa bersumpah. Jika ia bersumpah, maka tertolaklah dakwaan ke atasnya. Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. ada menyoal kepada pihak pendakwa yang bermaksud, "adakah kamu mempunyai keterangan?, jawab pihak pendakwa tidak!, Maka Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya, kamu boleh meminta pihak yang didakwa supaya bersumpah".[55]

Sumpah pihak yang didakwa, biasanya dikenali sebagai sumpah untuk menolak dakwaan.[56] Sumpah ini dibuat atas arahan Hakim setelah diminta oleh pihak pendakwa sebagai menguatkan penafiannya ke atas sesuatu dakwaan.[57]

Terdapat beberapa syarat[58] tertentu yang diwajibkan ke atas pihak yang didakwa untuk melakukan sumpah ini iaitu:-

i. Pihak yang didakwa hendaklah mengingkari tuntutan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa kepadanya,

ii. Sumpah tersebut hendaklah dilakukan selepas di minta oleh pihak pendakwa,

iii. Sumpah itu dibuat selepas pihak pendakwa gagal mengemukakan sebarang keterangan,

iv. Sumpah itu hendaklah dilakukan keatas dakwaan yang sah, oleh itu sumpah tidak diharuskan ke atas sesuatu dakwaan yang fasid dan,

v. Sumpah itu tidak dilakukan ke atas perkara-perkara yang berhubung dengan hak-hak Allah s.w.t.[59]

Kesimpulannya, apabila pihak yang didakwa telah bersumpah bahawa dakwaan itu tidak benar, maka tertolaklah tuntutan pihak pendakwa. Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah, Wilayah Persekutuan 1987 [60] memperuntukkan, apabila sumpah dibuat oleh pihak yang kena dakwa, tuntutan pihak menuntut tertolak secara mutlak".

2.4.4 Keterangan Pendakwa Selepas Sumpah yang didakwa

Para Fuqaha' berselisih pendapat mengenai masalah apakah pihak pendakwa boleh mengemukakan sebarang keterangan, pembuktian atau membawa saksi-saksinya, selepas pihak yang didakwa bersumpah menolak dakwaan?.

Al-Imam Syafi'e, Ahmad dan Abu Hanifah menegaskan bahawa keterangan dari pendakwa hendaklah diterima meski pun pihak yang didakwa menafikan tuntutan itu dengan sumpahnya atas alasan bahawa sumpah adalah satu cara pembuktian yang lemah yang tidak dapat memutuskan pertikaian, berbanding dengan keterangan ia adalah satu cara pembuktian yang paling kuat.[61]

Al-Imam Malik[62] pula berpendapat bahawa keterangan pihak pendakwa hendaklah diterima untuk menyokong tuntutannya, tetapi dengan syarat pihak pendakwa tidak mengetahui adanya keterangan itu. Sebaliknya, jika ia mengetahui adanya keterangan itu, tetapi sengaja meminta supaya yang didakwa bersumpah, maka dakwaannya tidak akan diterima.

Pendapat seterusnya menegaskan bahawa sumpah adalah dihitung sebagai muktamad di dalam pertikaian. Oleh itu pihak pendakwa tidak boleh memberikan keterangan selepasnya.[63]

2.4.5 Enggan bersumpah (nukul)

Jika pihak yang didakwa enggan bersumpah (nukul) samada keengganan itu dalam bentuk hakiki seperti ia mengatakan "aku tidak akan bersumpah" ataupun dalam bentuk makna iaitu diam sahaja, Hakim akan mengembalikan sumpah itu kepada pendakwa dan pendakwa boleh bersumpah dengan tujuan untuk menguatkan dakwaannya. Sumpah pendakwa ini di namakan 'Yamin Mardudah'

Walaubagaimana pun para Fuqaha'telah berselisih pendapat dalam masalah ini. Satu pendapat mengatakan pihak pendakwa dibenarkan bersumpah(sekiranya tidak ada keterangan)setelah pihak yang didakwa enggan bersumpah. Pendapat ini disokong oleh Fuqaha' Mazhab Maliki dan Syafi'e, mereka menegaskan bahawa keengganan pihak yang didakwa dari bersumpah bukanlah satu cara hukuman yang bo-

leh didasarkan oleh Mahkamah semata-mata dengannya, melainkan diminta pihak pendakwa bersumpah samada di atas permintaan pihak yang didakwa atau permintaan Hakim, jika tidak dakwaan pihak pendakwa akan ditolak.[64]

2.4.6 Kes-Kes yang boleh dijatuhkan hukuman berdasarkan kepada nukul dan sumpah pendakwa.

Al-Imam Malik[65] berpendapat hukuman tidak harus dijatuhkan berdasarkan kepada keengganan yang didakwa dari bersumpah dalam kes-kes hudud, qisas dan ta^c^zir. Manakala al-Imam Syafi'e[66] mengatakan bahawa kengganan pihak yang didakwa dari bersumpah boleh dijadikan alasan hukuman dalam kes-kes yang berkaitan dengan hak-hak anak Adam.

Menurut pandangan Mazhab Hanafi, mereka yang mengingkari dakwaan yang berkaitan dengan hudud, maka tidak boleh dipaksa dari bersumpah. Manakala dalam kes-kes qisas, maka orang yang mengingkari dakwaan hendaklah disuruh bersumpah. Al-Imam Abu Hanifah berkata, sekiranya ia enggan bersumpah dalam kes-kes yang berkaitan dengan dakwaan jiwa (pembunuhan) hendaklah ditahan sehingga

ia bersumpah atau membuat pengakuan. Sementara dalam kes-kes selain dari dakwaan jiwa, hendaklah disuruh bersumpah kerana boleh dihukumkan berdasarkan keengganannya dan dengan keengganan tersebut akan dihukumkan qisas ke atasnya.

Tetapi menurut pendapat Abu Yusuf dan Mohammad, dalam dakwaan yang berkaitan dengan jiwa (pembunuhan) atau tidak, sama sahaja. Apabila ia enggan daripada bersumpah, maka boleh dikenakan hukuman ke atasnya.[67]

Menurut pendapat Abu Hanifah lagi, seseorang yang didakwa boleh dihukum kerana keengganannya bersumpah dalam kes-kes yang berhubung dengan harta. Tetapi di dalam kes-kes hudud dan kes-kes yang lain seperti perkahwinan, rujuk, keturunan, hamba, kelahiran, wali, ila dan li^{c}an. Maka tidak boleh dijatuhkan berdasarkan keengganan yang didakwa dari bersumpah.[68]

Sebaliknya, Mazhab Hanbali berpendapat bahawa keengganan pihak yang didakwa dari bersumpah boleh dijadikan alasan hukuman dalam kes-kes kecederaan dengan sengaja, tetapi dalam kes-kes

seperti qisas yang melibatkan nyawa hukuman tidak boleh dijatuhkan, malah pihak yang didakwa hendaklah ditahan sehingga ia mengaku atau bersumpah.[69]

Abu Yusuf dan Mohammad al-Syaibaniy[70] mengatakan harus dijatuhkan hukuman berdasarkan kepada keengganan yang didakwa dari bersumpah, dalam kes-kes seperti perkahwinan, rujuk, hamba, kelahiran, keturunan, wali dan sebagainya, dengan mengemukakan hujjah bahawa keengganan pihak yang didakwa dari bersumpah merupakan pengakuan, walau pun pengakuan tersebut terdapat syubhat.

2.4.7 Mendiamkan diri atau tanpa jawapan

Apabila yang didakwa tidak mahu mengakui atau menafikan dakwaan pihak pendakwa, bahkan mendiamkan diri, Hakim akan mensabitkan hak yang dituntut itu kepada pihak pendakwa, di samping pendakwa bersumpah. Tetapi menurut Abu Hanifah yang didakwa hendaklah ditahan sehingga ia membuat pengakuan atau menyatakan ia enggan bersumpah.[71]

3. PERBICARAAN YANG DIHADIRI OLEH SALAH SATU PIHAK YANG BERTIKAI

3.1 Apabila pihak pendakwa gagal menghadirkan diri ke Mahkamah pada hari perbicaraan setelah dakwaanya didaftarkan kepada Pendaftar Mahkamah, maka Hakim tidak akan mendengar dakwaannya, bahkan hendaklah ditinggalkan untuk dirujuk semula oleh pendakwa.[72] Kenyataan ini disokong oleh para Fuqaha' dengan mengatakan bahawa pihak pendakwa ialah mereka yang tidak dipaksa untuk melakukan pendakwaan, sebaliknya pihak yang didakwa dipaksa bagi menjawab dakwaan ke atasnya (mengaku atau menafikan).[73]

Walaubagaimana pun pihak pemerintah harus mewujudkan peraturan-peraturan tertentu demi menjamin kebaikkan masyarakat dan menjaga kehormatan Mahkamah. Jika pendakwa enggan melakukan pendakwaan, gugurlah hak pendakwaan darinya. Sementara itu pihak yang didakwa berhak meminta kepada Hakim supaya mendengar penafiannya terhadap dakwaan yang dikemukakan kepadanya.

3.2 Kadangkala pihak yang didakwa pula gagal untuk menghadirkan diri ke Mahkamah pada hari perbicaraan. Di sini penulis akan membincangkan prosedur bagi menjalankan perbicaraan di dalam dua keadaan iaitu:-

74

i. Pihak yang didakwa berada di dalam wilayah atau bidang kuasa seseorang Hakim dan,

ii. Pihak yang didakwa berada di luar wilayah atau bidang kuasa seseorang Hakim.

3.2.1 Apabila pihak yang didakwa itu berada di dalam wilayah atau bidang kuasa seseorang Hakim, dan notis pemberitahuan untuk hadir ke Mahkamah telah disampaikan kepadanya oleh mana-mana pembantu Mahkamah, tetapi pihak yang didakwa tetap enggan untuk hadir ke Mahkamah, maka Hakim harus menghadirkannya secara paksa, dengan mengarahkan beberapa orang pembantunya untuk memberitahu dan memaksanya hadir ke Mahkamah. Selain daripada itu Hakim boleh menjalankan perbicaraan tanpa kehadirannya, dengan mengemukakan persoalan kepada pihak pendakwa tentang dakwaannya jika dakwaan itu boleh diterima, maka Hakim akan menjatuhkan hukuman ke atas pihak yang di dakwa jika sabit kesalahannya.

3.2.2 Sebelum ini telah dijelaskan bahawa Mahkamah yang berhak mendengar dakwaan ialah Mahkamah yang terletak di dalam wilayah pihak yang didakwa. Oleh itu para fuqaha' berselisih pendapat mengenai hukuman ke atas pihak yang didakwa yang berada diluar wilayah atau bidang kuasa Hakim. Selain dari itu, para Fuqaha'[75] ada menyebutkan beberapa keadaan yang mana pihak yang didakwa itu dianggap sebagai ghaib atau tidak hadir ke Mahkamah pada hari perbicaraan, dan hukuman harus dijatuhkan ke atasnya, tanpa disyaratkan untuk mendengar keterangan atau penafian darinya. Keadaan-keadaan tersebut ialah:-

i. Apabila tempat tinggal pihak yang didakwa itu tidak diketahui dan tidak mungkin Mahkamah dapat menyampaikan notis pemberitahuan untuk hadir pada hari perbicaraan,

ii. Jika tempat tinggal pihak yang didakwa itu diketahui, dan notis pemberitahuan untuk hadir telah disampaikan kepadanya, tetapi ia tetap enggan hadir ke Mahkamah tanpa keuzuran yang dapat diterima,

iii. Apabila pihak yang didakwa berada jauh dari tempat perbicaraan, sekadar yang mengharuskan qasar sembahyang, dan

iv. Apabila pihak yang didakwa itu tidak masuk ke dalam Mahkamah, walaupun ia berada dihalaman Mahkamah, maka ia dianggap sebagai ghaib. Ini menurut pendapat Ibn Hazm Az-Zahiri.[76]

3.3 Sebagaimana yang dikatakan, Fuqaha' berseselisih pendapat mengenai hukuman yang di jatuhkan ke atas yang didakwa yang ghaib. Menurut pendapat al-Imam Zaid Ibn Ali, Syuraih dan Umar ᶜAbdul Aziz mengatakan hukuman tidak sah dijatuhkan ke atas pihak yang ghaib. Pendapat ini diambil oleh Fuqaha' Mazhab Hanafi.[77] Mereka berhujjah dengan Hadis Rasulullah s.a.w.[78] yang bermaksud;

> "Dari ᶜAli r.a. berkata, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, apabila dua orang laki-laki meminta hukum kepada engkau, maka janganlah engkau putuskan hukuman bagi yang pertama sebelum engkau mendengar perkatan yang kedua"

Mereka juga berpendapat bahawa kadangkala pihak yang ghaib itu mempunyai hujjah untuk menolak atau membatalkan dakwaan pihak pendakwa. Oleh itu menjatuhkan hukuman tanpa dihadiri oleh pihak yang didakwa adalah dianggap zalim.[79]

Dalam kitab 'Mughnīy Muhtāj'[80] menerangkan yang didakwa yang ghaib di tempat yang jauh sekadar dua marhalah atau lebih, boleh dibicarakan dan didengar keterangan saksi pendakwa dan seterusnya dijatuhkan hukuman ke atasnya. Bagi mereka yang berada ditempat yang berhampiran, maka hukumanya adalah sama seperti orang yang berada di dalam negeri. Oleh yang demikian tidak boleh didengar keterangan saksi pendakwa dan tidak boleh dihukum tanpa kehadirannya, kecuali pihak yang didakwa menyembunyikan diri atau sengaja untuk menangguh-nangguhkan perbicaraan.

Sebaliknya Jumhur Fuqaha' dari Mazhab Maliki, Syafi'e, Hanbali, Zaidiyyah dan Zahiriyyah berpendapat sah sesuatu hukuman yang dijatuhkan ke atas pihak yang ghaib. Mereka berhujjah dengan Hadis yang diriwayatkan daripada A'isyah r.a. ba-

hawa Hindun binti Utbah isteri kepada Abu Sufian telah datang kepada Rasulullah s,a.w. lalu berkata "sesungguhnya Abu Sufian seorang lelaki yang kedekut, dan tidak memberikan kepada aku dan anak ku nafkah yang secukupnya". Maka Rasulullah s.a.w. bersabda "ambillah sesuatu yang secukupnya kepada kamu dan anak kamu dengan cara yang baik".[81] Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah men jatuhkan hukuman ke atas pihak yang ghaib iaitu Abu Sufian, tanpa mendengar keterangan darinya.

Jumhur Fuqaha' juga berhujjah,oleh kerana seseorang Hakim itu tidak mempunyai kuasa untuk menghadirkan pihak yang didakwa yang berada diluar wilayah atau bidang kuasanya, maka Hakim berhak mendengar dakwaan dan keterangan pihak pendakwa bagi memelihara hak-haknya, asalkan dakwaan itu berkaitan dengan hak-hak anak Adam bukan mengenai hak-hak Allah s.w.t.

Kesimpulannya, Jumhur Fuqaha ' mengharuskan hukuman dijatuhkan ke atas pihak yang ghaib dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak anak adam, bukan mengenai hak-hak Allah s.w.t.

3.4 Sementara itu, Fuqaha' Mazhab Syafi'e memberikan dua syarat bagi mendengar dakwaan ke atas pihak yang ghaib.[82] Syarat-syarat itu ialah:-

i. Pihak pendakwa hendaklah menyatakan barang atau benda yang dituntutnya, dari segi kadar, jenis atau sifat-sifatnya, dan

ii. Pihak pendakwa hendaklah mengemukakan apa-apa keterangan samada melalui sumpah atau membawa saksi-saksinya atau kedua-duanya sekali.

3.5 Bagi menjalankan perbicaraan ke atas pihak yang didakwa yang berada di luar Wilayah atau bidangkuasa seseorang Hakim, maka Hakim mempunyai dua pilihan iaitu:-

i. Hakim akan mendengar dakwaan dan keterangan pihak pendakwa, kemudian mencatatkan segala butiran dakwaan itu, dan menghantarnya kepada Hakim yang mempunyai bidang kuasa di tempat tinggal pihak yang didakwa untuk membuat keputusan berdasarkan kepada laporan tersebut,[83] atau

ii. Hakim boleh menulis keputusan yang telah dijatuhkan olehnya dan menghantarkan keputusan itu kepada Hakim di tempat tinggal yang didakwa bagi melaksanakan hukuman tersebut.[84]

Menurut pendapat Mazhab Syafi'e dan satu riwayat dalam Mazhab Hanbali menyatakan, jika Hakim memilih cara yang kedua, Hakim hendaklah meminta supaya pihak pendakwa bersumpah di samping mengemukakan keterangan saksi sebelum menjatuhkan hukuman ke atas pihak yang didakwa. Menurut satu riwayat yang lain dalam Mazhab Hanbali mengatakan memadai dengan menerima keterangan pihak pendakwa, tanpa meminta supaya ia bersumpah. Berdasarkan kepada Hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud "keterangan ke atas pihak pendakwa dan sumpah ke atas orang yang mengingkari".[85]

3.6 Apabila pihak yang ghaib itu menghadirkan diri ke Mahkamah sebelum hukuman dijatuhkan keatasnta, Hkim hendaklah memanggilnya untuk perbicaraan. Sekiranya ia meminta kepada Hakim supaya menangguhkan perbicaraan, maka Hakim hendaklah memberikan tempoh yang munasabah untuk membolehkan ia membuat penafian terhadap dakwaan pihak

pendakwa. Jika ia berjaya membuktikan penafian, ia akan terlepas dari tuduhan tersebut, sebaliknya jika ia gagal untuk membuktikan penafiannya, maka ia berhak meminta supaya pihak pendakwa bersumpah.[86]

3.7 Sekiranya pihak yang didakwa yang ghaib itu hadir selepas Hakim menjatuhkan hukuman keatasnya, sedangkan ia berjaya mengemukakan keterangan dan membuktikan penafian dakwaan pihak pendakwa. Hakim hendaklah membatalkan hukuman yang telah diputuskannya. Sebaliknya jika ia gagal, ia berhak menuntut supaya pihak pendakwa bersumpah. Sekiranya pihak pendakwa enggan bersumpah, Hakim berkuasa menarik balik hukuman yang dijatuhkan sebelum ini. Pihak yang didakwa yang ghaib itu akan terlepas dari hukuman itu.[87]

4. PENANGGUHAN PERBICARAAN

4.1 Seseorang Hakim boleh menangguhkan perbicaraan berdasarkan kepada budi bicaranya dengan tujuan hendak melihat sesuatu yang ada kaitannya dengan dakwaan atau untuk meneliti saksi-saksi yang dibawa ke Mahkamah. Begitu juga, seseorang Hakim boleh menangguhkan perbicaraan di atas permintaan pihak-pihak yang bertikai.

Fuqaha' ada menegaskan bahawa seseorang Hakim harus menangguhkan satu-satu perbicaraan, jika terdapat sebab-sebab yang munasabah seperti untuk memanggil saksi-saksi atau menurut budi bicara Hakim bahawa perdamaian di antara kedua-dua pihak masih boleh diwujudkan. Penangguhan perbicaraan itu tidak lebih dari dua kali.[88]

4.2 Apabila tempoh yang telah ditentukan itu telah tamat, tetapi salah satu pihak atau kedua-dua pihak yang bertikai itu masih gagal untuk mengemukakan apa-apa keterangan atau membawa saksi-saksi mereka, maka mereka boleh meminta kepada Hakim supaya menangguhkan perbicaraan buat kali keduanya.

Malah seseorang Hakim boleh memanjangkan tempoh penangguhan perbicaraan lebih dari sekali, jika pihak-pihak yang bertikai itu mempunyai alasan-alasan yang munasabah yang dapat diterima oleh Hakim.[89]

4.3 Terdapat beberapa tempoh masa yang diwajibkan kepada pihak Hakim dan pihak-pihak yang bertikai mematuhinya. Misalnya dalam kes seseorang suami yang baru saja menjadi gila dan isterinya menuntut penceraian kepada Hakim. Dalam keadaan ini Hakim hendaklah menunggu selama setahun sebelum menjatuhkan hukuman penceraian di antara keduanya.

Begitu juga dalam kes seorang suami yang ghaib yang terputus perkhabarannya samada hidup atauu mati, maka Hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman cerai keatas isterinya, sebaliknya Hakim hendaklah menangguhkan perbicaraan selama empat tahun bermula dari tarikh terputusnya perkhabaran itu. Jika suami itu kembali sebelum tamat tempoh empat tahun tersebut, maka perkahwinan mereka itu masih kekal. Sebaliknya jika suami itu tidak kembali dalam tempoh tersebut, Hakim boleh menjatuhkan hukuman penceraian di antara keduanya.

Hakim juga hendaklah menangguhkan perbicaraan selama tiga hari dalam kes murtad. Jika orang yang murtad tersebut telah bertaubat dan kembali kepada Islam, maka tuduhan murtad ke atasnya akan dibatalkan. Sebaliknya jika ia tetap berdegil setelah tamat tempoh tiga hari itu. Hakim boleh melaksanakan hukuman kesiksaan ke atasnya.[90]

Kesimpulannya, penangguhan perbicaraan dalam sistem kehakiman Islam adalah berdasarkan kepada budi bicara Hakim, dan di atas permintaan kedua-dua pihak yang bertikai, dengan tujuan untuk mengemukakan keterangan atau membuktikan penafian dakwaan.

5. MENAMATKAN PERBICARAAN

5.1 Seseorang Hakim tidak boleh menjatuhkan sesuatu hukuman sebelum beliau mendengar semua hujjah-hujjah yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak yang bertikai. Hakim akan mengemukakan persoalan kepada kedua-dua pihak bagi mempastikan samada mereka mempunyai apa-apa keterangan atau sebaliknya. Apabila kedua-dua pihak menyatakan "mereka tidak ada hujjah dan keterangan lagi yang hendak diperkatakan". Maka barulah Hakim boleh menjatuhkan hukuman berdasarkan keterangan pihak pendakwa dan pembuktian penafian dari pihak yang didakwa.

5.2 Dalam hal ini al-Imam Malik berkata "apabila kedua-dua pihak yang bertikai itu mengemukakan hujjah masing-masing, dan Hakim telah memahami nya keterangan yang dikemukan, sebelum beliau menjatuhkan hukuman atau keputusan, beliau hendaklah bertanya kepada kedua-dua pihak yang bertikai apakah mereka masih mempunyai hujjah atau keterangan yang hendak dikemukakan. Sekiranya mereka mengatakan tidak!, maka Hakim akan menjatuhkan hukuman di antara mereka berdua. Selepas itu apa-apa hujjah atau keterangan tidak akan diterima. Se-

baliknya, jika salah satu pihak atau kedua-dua pihak mengatakan mereka masih mempunyai hujjah atau keterangan yang hendak dikemukakan, Hakim hendaklah menangguhkan perbicaraan tersebut selagi tidak mewujudkan perselisihan atau ketegangan di antara mereka. Tetapi sekiranya mana-mana pihak yang bertikai cuba melambatkan perbicaraan, Hakim akan memutuskan bahawa mereka gagal membuktikan dakwaan atau membuktikan penafian dakwaan."[91]

Begitu juga dengan pendapat al-Faqih Ibn Farahun mengatakan "hakim tidak akan menjatuhkan hukuman ke atas seseorang melainkan ia bertanya 'adakah kamu masih mempunyai apa-apa hujjah'? lalu ia menjawab tidak!".[92] Maka barulah Hakim boleh menjatuhkan hukuman ke atas pihak yang didakwa itu.

Kesimpulannya, seseorang Hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman atau keputusan sebelum ia mempastikan kedua-dua pihak itu tidak mempunyai hujjah atau keterangan yang hendak disampaikan.

1 Muhammad Salam Madkur, Peradilan Dalam Islam, hlm. 67

2 Burhanuddin Ibrahim bin Ali bin Abi Qassim Ibn Farahun al-Maliki, Tabsirah al-Hukkam Usul al-Aqdiyyah wa Manāhij al-Ahkam. Qahirah:Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah, Juzu'.1, hlm. 243

3 Shihabuddin Abu Ishak Ibrahim Ibn ᶜAbdullah al-Maᶜruf bi Ibn Abi Dam, Adab al-Qadai, Juzu'. 1, hlm. 162. Lihat juga, Ibn Farahun, op.cit., hlm. 39

4 Ibn Abi Dam, op.cit., hlm. 163. Lihat juga, ᶜAbdul Karim Zaidan, Nizām al-Qada' fi ash- Syarīᶜat al-Islamiyyah, Baghdad, 1984, hlm. 117

5 Syms al-Din al-Ramliy, Nihāyah al-Muhtāj ila Syarh al-Minhāj, Juzu' 8, hlm. 253

6 Abu Hasan Ali bin Mohammad bin Habibu al-Basri al-Baghdādi al-Mawardi, al-Ahkam as-Sultaniyyah , hlm. 69-70

7 Abi Bakar Ahmad Ibn Umar Ibn Syaibanīy al-Maᶜruf bi al-Khassaf, Adab al-Qādī, al-Qahirah: Qismu an-Nashir bi al-Jamiᶜah al-Amirikiyyah, hlm. 85

8 Ibn Abi Dam, op.cit., hlm. 163. Lihat juga Abi Muhammad ᶜAbdullah Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Qudamah, al-Mughniy, Juzu' 9, Maktabah al-Riyad al-Hadisah, hlm. 45

9 ᶜAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 117

10 Ibn Qudamah, al-Mughniy, op.cit., hlm. 45, Lihat juga, Ibn Abi Dam, op.cit., hlm. 164, Ibn Farahun, op.cit., hlm. 38

11 ᶜAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 119

12 Muhammad Salam Madkur, Peradilan Dalam Islam , hlm. 73

13 Ibn Farahun, op.cit., hlm. 40

14 Ibid.

15 ᶜAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 120

16 Kanun Prosedur Jenayah (N.M.B.Bab 6), Kuala-Lumpur: International Law Book Services, 1987, seksyen 263

17 Ibn Abi Dam, op.cit., hlm. 106-107

18 Ibid.

19 Ibid

20 Ibn Qudāmah, op.cit., hlm. 80-108

21 Ibn Abī Dam, op.cit., hlm. 112

22 Ibn Qudāmah, op.cit., hlm. 101

23 Ibn Abī Dam, op.cit., hlm. 112

24 Ibn Qudāmah, op.cit., hlm. 50

25 Al-Quran, Surah Alī Imran, ayat. 159

26 Al-Syaibanīy, op.cit., hlm. 106

27 Muhammad Salam Madkur, op.cit., hlm. 66-67

28 Ibn Abī Dam, op.cit., hlm. 109. Lihat juga, Ibn Qudāmah, op.cit., hlm. 72

29 Al-Samnāni, Raudah al-Qudāh, dipetik dari kitab ᶜAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 14

30 Kanun Prosedur Jenayah, op.cit., seksyen 7, Lihat juga, Akta Pentadbiran Hukum Syarak Islam, Wilayah Persekutuan, 1986, seksyen 37

31 Muhammad Salam Madkur, op.cit., hlm. 67

32 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor), Pindaan 1974, seksyen 57

33 Akta Mahkamah Juvana 1949, seksyen 5

34 ^{c}Abdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 123

35 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor), Pindaan 1974, seksyen 88(1)

36 Bias - tidak memihak kepada mana-mana pihak yang bertikai.

37 Muhammad bin Ali Ibn M$_{u}$hammad al-Shaukanīy, Nayl Awtār, Juzu' 9, Lubnan: Dār Jailu, 1973 , hlm. 177

38 Ibn Qudāmah, op.cit., 49-50. Lihat juga, Ibn Abī Dam, op.cit., hlm. 136, ^{c}Abdul Fatah Muhammad Abu al-Ainaini, al-Qādā' wa al-Ithbāt Fi Fiqh al-Islamīy ma^{c}a al-Muqāranah bi Qānūn al-Ithbāt al-Yumna, Maṭba^{c}ah al-Amānah, 1983M/1403H, hlm. 74.

39 H.Idris Ahmad S.H., Figh Syafi'e, Kuala-Lumpur: Pustaka Antara, 1983, Jilid. 2, hlm. 622

40 Muhammad bin Ismail al-Kahlānīy, Subulus Salam, Juzu' 4, Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Daud, Sahih al-Hakim, hlm. 125

41 ᶜAbdul Karim Zaidan,op.cit., hlm. 122. Lihat juga, Ibn Farahun, op.cit., hlm. 40-41

42 Abī al-Hasan Ali bin Muhammad bin Habību al-Mawardi al-Basri, Adab al-Qadī, Juzu' 2, Baghdad, hlm. 242-243

43 Ibn Abi Dam, op.cit., hlm. 127-131

44 Muhammad Ismail al-Kahlaniy, op.cit., hlm. 120, Hadis ini diriwayatkan oleh Ahmad dan Abu Daud.

45 ᶜAbdul Karim Zaidan,op.cit., hlm. 126-127

46 Muhammad Ismail al-Kahlānīy, op.cit., hlm. 120

47 ᶜAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 137

48 Al-Mawardi, op.cit., hlm. 260

49 ᶜAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 40

50 Abdul Rahman Mustafa, Prinsip-Prinsip Undang-Undang Keterangan Islam, Satu Pendekatan Perbandingan, Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, hlm. 42

51 Ibid.

52 Ibid.

53 Ahmad al-Hasaniy, Hudud wa al-Asyrikah Fi Fiqh al-Islamiy, Maktabah al-Asqa, 1972M/1392H, hlm.158.

54 Al-Ramliy, Nihāyah al-Muhtāj, Mesir: Maktabah Mustafa al-Babīy al-Halābīy, 1938M/1357H, Juzu' 7, hlm. 410

55 Shamsuddin As-Sarakhīsīy, Al-Mabsūt, Mesir: As-Sa^{c}adah, 1324H, Juzu' 17, hlm. 30

56 Mahmud ^{c}Ali Qura^{c}ah, al-Usūl al-Qadāiyyah Fī-al-Murāfa^{c}at ash-Syar'iyyah, Mesir: Maktabah Mesir, hlm. 57

57 Ahmad Fathīy Bahnasīy, Nazariyyah al-Ithbāt Fī-al-Fiqh al-Islamīy Dirāsat Fiqhiyyah Muqāranah, Maktabah al-^{c}Arabiy, 1967M/1387M, hlm. 218

58 ^{c}Abdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 204

59 Ahmad Fathīy Bahnasīy, op.cit., hlm. 218

60 Akta Mahkamah Syariah, Wilayah Persekutuan, seksyen 87(2)(b)

61 ᶜAbdul Rahman Mustafa, op.cit., hlm. 88-89

62 Ibid.

63 Ibid.

64 Ibid, hlm. 90

65 Ahmad Fathīy Bahnasīy, op.cit., hlm. 218

66 Ibid, hlm. 219

67 Ibid

68 Dr. Wahbah Zuhailiy, al-Fiqh al-Islamīy wa-Adillatuh, Darul Fikr, 1985M/1405M, Juzu' 6, hlm. 519

69 Ibid.

70 Ibid

71 Al-Mawardi, op.cit., hlm. 342-343

72 cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 149

73 Ibid, hlm. 150

74 Ibid, hlm. 153

75 Abdul Fatah Muhammad Abu al-Ainaini, op.cit., hlm. 94-95

76 Ibn Hazm, al-Muhalla, Juzu' 6, op.cit., hlm. 367

77 cAbdul Fatah Muhammad Abu al-Ainaini, op.cit., hlm. 89. Lihat juga, Ibn Qudamah, op.cit., hlm. 109

78 Muhammad Ismail al-Kahlaniy, op.cit., hlm. 120

79 cAbdul Fatah Muhammad Abu al-Ainaini, op.cit., hlm. 89

80 Muhammad al-Syarbinīy, Mughnī al-Muhtāj, Juzu' 4, hlm. 414

81 Ibn Qudamah, op.cit., hlm. 109

82 cAbdul Fatah Muhammad Abu al-Ainaini, op.cit., hlm. 93

83 ^{c}Abdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 151

84 Ibid.

85 Ibid.

86 ^{c}Abdul Fatah Muhammad Abu al-Ainaini, op.cit., hlm. 98

87 ^{c}Abdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 152

88 Muhammad Salam Madkur, op.cit., hlm. 70-71

89 ^{c}Abdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 146

90 Ibid.

91 Ibn Farahun, op.cit., hlm. 97

92 Ibid.